

Ringankan kos sara hidup pelajar

» 'Campus Mania' jelajah UA dengan jualan pelbagai barangan pada harga diskaun

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

► Serdang

Pelajar di tiga universiti awam (UA) sekitar Lembah Klang menikmati tawaran diskaun sehingga 70 peratus untuk pelbagai barangan keperluan harian dan pembelajaran melalui penganjuran 'Campus Mania' yang bertujuan meringankan beban kos sara hidup mereka, baru-baru ini.

Pengurus Projek FP Avante Sdn Bhd, Rara Munirah Hamza, berkata program itu dilancarkan sebagai Karnival Kampus di Universiti Putra Malaysia (UPM) awal bulan lalu, sebelum penganjurannya diteruskan ke Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Selain membantu usaha berjimat cermat, beliau berkata, pengunjung juga berpeluang memperoleh barangan percuma dan hadiah bernilai RM5,000 sepanjang tempoh tiga hari program berlangsung.

"Kenaikan harga pelbagai barangan kini menyebabkan mahasiswa menghadapi masalah menguruskan perbelanjaan mereka.

"Sehubungan dengan itu, penganjuran 'Campus Mania' dapat

dimanfaatkan pelajar yang menghadapi kekangan kewangan dan masa untuk membeli barangan keperluan," katanya.

Aktiviti interaktif

Sambil menjelaskan penganjuran sama akan menjelajah ke tiga lagi UA pada Oktober depan, Rara Munirah berkata, program itu turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti interaktif.

Antaranya, acara Zumba bersama-sama pelajar, pemeriksaan indeks jisim tubuh secara percuma dan perkongsian tip menjaga kesihatan kulit.

Sementara itu Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) UPM, Dr Mass Hareeza Ali, berkata lebih 6,000 pengunjung memeriahkan karnival berkenaan di UPM.

Katanya, penganjur tidak ketinggalan menyediakan 10 ruang jualan untuk pelajar UPM turut menawarkan produk kepada pengunjung, termasuk makanan, minuman, aksesori dan pakaian.

Serah resume

Selain itu, beliau berkata, pelajar berpeluang mengemukakan permohonan pekerjaan dengan menyerahkan resume mereka di kaunter khas disediakan.

"Penyediaan resume itu secara langsung membantu persiapan pelajar menghadiri ekspo kerjaya anjuran CEM dijadualkan berlangsung pada bulan depan.

"Sebahagian ruang jualan yang disediakan bagi usahawan pelajar juga adalah peluang baik untuk mereka menimba pengalaman dan secara langsung boleh mendorong minat mahasiswa lain menceburi bidang itu," katanya.



Pelbagai juadah yang menarik perhatian ramai.



Pelajar menyerahkan resume di kaunter khas.

“Program itu dilancarkan sebagai Karnival Kampus di UPM awal bulan lalu, sebelum penganjurannya diteruskan ke UM dan UKM”

Rara Munirah Hamza,
Pengurus Projek FP
Avante Sdn Bhd



Pelajar UPM turut menjual pelbagai produk pada Karnival Kampus.



Jualan air minuman juga menjadi tumpuan pengunjung.